

Teknologi Park-Kumpulan Utusan jalin kerjasama Perkukuh bidang pendidikan

Utusan Malaysia

11 Januari 2017 | Rabu

UTUSAN MALAYSIA • RABU 11 JANUARI 2017



AHMAD FAUZI ZAHARI (kanan) menyerahkan replika cek RM49,266 bagi tajaan *Tutor* kepada Othman Mohamad semasa sesi lawatan Technology Park Malaysia ke Ibu pejabat Kumpulan Utusan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

Teknologi Park-Kumpulan Utusan jalin kerjasama

Perkukuh bidang pendidikan

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 JAN.

TECHNOLOGY Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) hari ini mengukuhkan hubungan dengan menjalin kerjasama strategik bersama Kumpulan Utusan dengan menaja akhbar pendidikan *Tutor* UPSR *Utusan Malaysia* bernilai RM49,266.

Pengerusi TPM, Datuk Ahmad Fauzi Zahari berkata, kerjasama melalui bidang pendidikan itu merupakan inisiatif bagi membentuk dan mendidik, sekali gus melonjakkan pencapaian calon-calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), khususnya orang Melayu melalui latihan intensif yang terdapat dalam akhbar *Tutor*.

"Selain itu, kita juga akan membuka jalan untuk kerjasama kedua-dua pihak dalam pendidikan secara digital yang mana *Utusan Malaysia* boleh membekalkan

input manakala kita boleh membuat pembangunan aplikasi atau platform digital.

"Ini berikutan cabaran tersendiri apabila tinjauan mendapati pelajar pada masa kini lebih cenderung mendapatkan maklumat dan bahan rujukan menggunakan gajet," katanya ketika lawatan dan Majlis Penyerahan Tajaan Akhbar Pendidikan *Tutor* di Ibu pejabat Kumpulan Utusan, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin; Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan Pengurusannya, Sharbani Harun dan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat, Zulkifli Fitri Ismail.

Kehadiran delegasi TPM disambut wakil Kumpulan Utusan iaitu Timbalan Ketua Pengarang, Datuk Othman Mohamad; Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah dan Pengurus Besar Komunikasi Korporat, Ja-

mal Ahmed Ali Ahmad.

Syarikat itu akan menaja akhbar *Tutor* kepada 18 sekolah di Parlimen Setiawangsa di sini dengan nilai RM49,266 iaitu sebanyak 2,000 naskhah setiap Isnin selama 42 minggu, bermula minggu depan.

Tambah Ahmad Fauzi, pihaknya juga berharap Kumpulan Utusan melalui platform yang ada akan mempromosikan bidang sains dan teknologi bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan bidang yang dianggap kritikal itu.

"Kita lihat akhbar *Utusan Malaysia* merupakan salah satu medium terbaik bagi memberi pendedahan kepada orang ramai, khususnya orang Melayu terhadap inovasi dan teknologi masa depan.

"Kami berharap kerjasama ini hanya satu permulaan kepada banyak lagi peluang-peluang kerjasama yang bakal dijalankan antara kedua-dua belah pihak untuk menuju masa depan yang lebih mencabar," katanya.